

PH belum 'move on' tanpa Tun M

UM - 27/7/2020 m/s: 9

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan dilihat (PH) belum 'move on' daripada pengaruh Tun Dr. Mahathir Mohamad meskipun figura politik berkenaan sudah keluar daripada gagasan tersebut.

Senario berkenaan nampak jelas apabila Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim masih menunggu 'lampu hijau' blok bebas Dr. Mahathir berkenaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim.

Penganalisis politik berpendapat, Anwar belum berjaya mengumpul kekuatan untuk mengemudi PH seandainya Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) diadakan dalam tempoh terdekat.

Pensyarah kanan di Pusat Perdana Fakulti Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Mazlan Ali berkata, meskipun wujud percanggahan antara kedua-dua pemimpin ini terutamanya soal calon Perdana Menteri, namun mereka tetap sependapat bahawa tidak mampu menjatuhkan Perikatan Nasional (PN) kalau tidak bersama.

"Saya melihat Anwar sedar bahawa beliau sebenarnya tidak ada kemampuan untuk mengembalikan semula mandat rakyat. Semasa pertukaran Yang Dipertua Dewan Rakyat baru-baru ini, jelas sekali bahawa Anwar dan juga blok Dr. Mahathir cuma ada 109 sokongan.

"Dr. Mahathir dengan Anwar memang ada percanggahan pendapat. Namun, mereka sependapat bahawa tanpa kedua-dua pihak tidak mampu untuk menyaingi PN yang popular sekarang," katanya ketika dihubungi semalam.



ANWAR Ibrahim bergambar dengan orang ramai pada Konvensyen Penerangan Keadilan 2020 di Hotel De Palma, Ampang semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

han pendapat. Namun, mereka sependapat bahawa tanpa kedua-dua pihak tidak mampu untuk menyaingi PN yang popular sekarang," katanya ketika dihubungi semalam.

Anwar ketika merasmikan Konvensyen Penerangan Keadilan menjelaskan, perbincangan berkenaan calon PRK DUN Slim perlu berlangsung demi mengelakkan perpecahan dalam kal-

angan pembangkang.

Beliau berkata, PH sudah ada senarai calon sesuai dan akan memuktamadkannya setelah selesai rundingan dengan Dr. Mahathir pada Selasa depan.

"Oleh kerana Bersatu (kem Dr. Mahathir) bertanding di Slim, jadi kita tidak mahu perpecahan dalam kalangan pembangkang.

"Kita akan dapat laporan

daripada jawatan kuasa yang berunding pada mesyuarat PH Selasa ini," katanya ketika ditemui di Hotel De Palma, Ampang di sini semalam.

Sebelum ini, bekas Setiausaha Agung Bersatu, Datuk Marzuki Yahya berkata, mereka akan meletakkan calon selepas wakil Majlis Presiden PH menyatakan mereka tidak akan bertanding.